

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan) 1990.
2. Perenggan kedua mukadimah Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "yang bukan-nya untuk mendapat keuntongan" dan "serta berpandukan perishtiharan<sup>2</sup> Persidangan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948".  
Pindaan perenggan kedua mukadimah Akta 19/67.
3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, sebelum sahaja takrif "Merited", takrif baru yang berikut:
  - ' "berita atau bahan berita" termasuklah—
    - (a) berita;
    - (b) fotograf;
    - (c) maklumat;Pindaan seksyen 2.

- (d) rencana; dan  
(e) data ekonomi, komoditi dan kewangan, antarabangsa, serantau dan kebangsaan, dalam apa-apa jua bentuk atau cara';.

Pindaan  
seksyen 3.

4. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

"(3) Bernama hendaklah mempunyai hak eksklusif untuk menerima masuk ke dalam Persekutuan berita atau bahan berita daripada agensi berita luar negeri dan pertubuhan-pertubuhan lain yang berurusan dengan berita atau bahan berita, melalui apa-apa perkiraan seperti langganan, pembayaran, pertukaran berita atau lain-lain cara."; dan

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (3), subseksyen baru (4) dan (5) yang berikut:

"(4) Bernama hendaklah membuat perkiraan bagi membahagi-bahagikan berita atau bahan berita yang diterima menurut subseksyen (3) kepada pelanggan-pelanggan di Persekutuan, mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bernama.

(5) Subseksyen (3) dan (4) tidak menjelaskan hak Jabatan yang bertanggungjawab bagi penyiaran, dan mana-mana pertubuhan yang diluluskan oleh Menteri dari semasa ke semasa, untuk menerima, tanpa apa-apa jua pun rujukan kepada Bernama, berita tampak dan bahan-bahan rancangan secara terus daripada mana-mana sumber di luar Persekutuan.".

PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA 3  
(PINDAAN)

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, Seksyen  
selepas sahaja seksyen 3, seksyen baru 3A yang berikut: baru 3A.

"Kuasa membuat apa-apa perkiraan untuk berkongsi keuntungan dsb.

Aha 125.

3A. Bernama, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, boleh—

- (a) membuat apa-apa perkiraan untuk berkongsi keuntungan, menyatakan kepentingan-kepentingan, berkerjasama atau berusaha-sama dengan mana-mana orang atau kumpulan orang; atau
- (b) menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan pengembangan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.".

6. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "ma'aluniat, berita, bahan<sup>2</sup> berita atau renchana<sup>2</sup> berita" dalam perenggan (a) dan (b) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "berita atau bahan berita".

Pindaan seksyen 4.

7. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (d) subseksyen (1) dengan yang berikut:

Pindaan seksyen 7.

- "(d) Naib-Canselor mana-mana satu Universiti dalam Persekutuan; dan".

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda mukadimah kepada Akta bagi membolehkan Bernama berhenti daripada berfungsi sebagai suatu pertubuhan yang bukannya untuk mendapat keuntungan. Pindaan ini juga bertujuan untuk memotong peruntukan yang memperuntukkan bahawa Bernama hendaklah berpandukan kepada perisytiharan-perisytiharan Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948.

3. *Fasal 3* bertujuan mengadakan peruntukan bagi takrif istilah "berita atau bahan berita".

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 3 Akta untuk memperuntukkan supaya Bernama mempunyai hak eksklusif untuk menerima berita atau bahan berita ke dalam Persekutuan dan selepas itu mengaturkan untuk membahagi-bahagikan berita atau bahan berita itu kepada pelanggan-pelanggan mengikut terma-terma atau syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bernama.

5. *Fasal 5* bertujuan memperuntukkan kuasa kepada Bernama, dengan kelulusan Menteri Penerangan dan persetujuan Menteri Kewangan, membuat apa-apa perkiraan untuk berkongsi keuntungan, dsb., dengan mana-mana orang atau untuk menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan pengembangan syarikat.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 4 Akta di mana perkataan-perkataan "ma'alumat" dan "renchana"<sup>2</sup> berita menjadi berlebihan hasil daripada kemasukan takrif "berita atau bahan berita".

7. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 7 Akta untuk mengadakan peruntukan supaya seorang Naib-Canselor mana-mana satu Universiti di Malaysia hendaklah dilantik menjadi anggota Majlis Penyeliaan.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1274.]